

11 OCT 2002

Dr. M

lancar buku langkah pulihkan ekonomi

PETALING JAYA 10 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan buku *Rewriting The Rules - The Malaysian Crisis Management Model* (Menulis Semula Peraturan - Model Pengurusan Krisis Malaysia) yang merakamkan kronologi kawalan modal dan mata wang terpilih, yang telah membolehkan Malaysia keluar daripada krisis kewangan.

Buku karya ahli Kumpulan Kerja Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Profesor Dr. Mahani Zainal Abidin itu menggarapkan senario pengurusan negara dalam masa beberapa bulan sebelum kerajaan memutuskan untuk melaksanakan kawalan modal pada 1 September 1998.

Buku terbitan Prentice Hall yang dijual pada harga RM69 senaskhah itu dilancarkan sempena persidangan sehari Mencontohi Korea Selatan -

Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Yang Dinamik, di Pusat Konvensyen Sunway di sini.

Mahani merupakan pensyarah Universiti Malaya yang kemudian dijemput menyumbangkan kepakarannya dalam Kumpulan Kerja MTEN.

Mahani dalam bukunya itu menghuraikan pengalaman dan pandangan beliau tentang langkah pemulihan ekonomi Malaysia yang berlawanan arus, terutamanya dengan dasar-dasar yang dikemukakan oleh Dana Kewangan Antarabangsa.

Selain mengupas pelan pemulihan 1 September 1998 dan pengajaran berguna daripada episod berkenaan, buku tersebut turut memuatkan cerita-cerita di belakang tabir langkah pemulihan formula Malaysia.